



DISCOVER
YAHOO! WITH
YOUR FRIENDS

Login

PDAM kurangkan pekerja, tidak mampu tanggung kenaikan kos akibat gaji minima



The Malaysian Insider – Thu, Dec 27, 2012

Oleh Nomy Nozwir

KUALA LUMPUR, 27 Dis — Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) mahu mengurangkan pekerja kerana tidak mampu menanggung kenaikan kos akibat gaji minima yang bakal dilaksanakan pada 1 Januari hadapan.

Presiden PDAM Datuk Hashim Othman berkata pengurangan pekerja ini mampu membantu pengusaha minyak di seluruh negara mengurangkan kos, disamping dapat melaksanakan Sistem Khidmat Layan Diri (SKLD) sepenuhnya.

“Kita mempunyai 50,000 pekerja di 3,600 stesen minyak di seluruh negara.



“Pelaksanaan gaji minima akan meningkatkan kos operasi pengusaha melebihi 30 peratus,” kata Hashim dalam sidang media PDAM di sini, hari ini.

Pelaksanaan gaji minima melibatkan semua sektor diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada April lalu, dengan RM900 bagi Semenanjung Malaysia, dan RM800 bagi Sabah dan Sarawak. Hashim berkata, jika pengusaha-pengusaha dapat melakukan SKLD sepenuhnya, pengusaha minyak dapat mengurangkan penggunaan tenaga asing sebanyak 50 peratus.

“Kos operasi akan naik, bukan gaji sahaja, tetapi juga KWSP, Perkeso, kadar lebih masa lebih tinggi... keseluruhan struktur, segala-galanya akan meningkat,” kata Hashim lagi.

Beliau berkata, hasilnya, premis akan perlu mengurangkan kos, termasuk menaik taraf semua stesen dengan kemudahan layan diri dan mengurangkan tenaga kerja.

Hashim berkata, beliau menjangkakan separuh daripada semua pekerja asing yang bekerja di premis itu tidak akan diperbaharui kontrak mereka.

Dianggarkan 70 peratus daripada 50,000 pekerja stesen minyak Malaysia adalah warga asing.

“Oleh itu, kita mahu kerajaan membantu kami dalam mengurangkan bebanan kos akibat gaji minima dengan membenarkan kita mengurangkan pekerja, sekaligus kita dapat melaksanakan SKLD sepenuhnya, sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kita dengan tenaga asing,” kata Hashim lagi.

SKLD telah dilaksanakan pada sekitar 2006 dan semenjak itu, SKLD diamalkan di seluruh Lembah Kelang dan bandar-bandar besar. Pun begitu, di kawasan bandar kecil ia masih tidak diamalkan sepenuhnya.

Pada masa kini purata gaji pekerja di stesen minyak di sekitar Lembah Kelang ialah RM700 hingga RM900, manakala di kawasan lain adalah sekitar RM600 hingga RM800.

Pada April lalu, Najib mengumumkan bahawa gaji minima di Semenanjung Malaysia ialah RM900, manakala di Sabah dan Sarawak ialah RM800.

Gaji minima sering menjadi isu yang dibangkitkan majikan di negara ini, yang dalam masa sama menghadapi masalah kenaikan kos serta persaingan dengan negara-negara seperti China dan India untuk terus kompetitif dalam pasaran global.

Copyright © 2012 Yahoo! Asia Pacific Pte Ltd (Co. Reg. No. 199700735D). All Rights Reserved. | Yahoo! News Network | /

